

Makmal proses syabu dalam pangsapuri

KUALA LUMPUR: Makmal dadah mini milik seorang 'dalang' sindiket penyeludupan syabu warga Iran terbongkar selepas polis menemui tiga botol cecair kimia khas yang disembunyikan dalam tangki tandas di sebuah pangsapuri yang disewa tidak jauh dari Ibu Pejabat Polis (IPK) Kuala Lumpur, di sini.

Suspek berusia 40-an, dikesan menggunakan cecair kimia itu sebagai bahan utama untuk proses 'menyucikan' kristal syabu menjadikannya dadah gred A yang boleh dijual dengan harga tinggi di pasaran.

Difahamkan, suspek terbabit bagaimanapun diberkas sejurus seorang wanita dan anak perempuannya berusia

sembilan tahun diberkas polis di kawasan Bukit Bintang selepas dikesan cuba menyerahkan syabu bernilai RM750,000 kepada suspek.

Sumber polis Bukit Aman berkata, selepas soal siasat, lelaki warga Iran terbabit membawa sepasukan polis ke sebuah pangsapuri di Casa Mutiara di sini, tidak jauh dari IPK.